

KPDNHEP sita 1,233 unit pelbagai barangan jenama terkemuka

Nurul Huda Hassan
26 September 2019 2:05 PM



JOHOR BAHRU 26 Sept. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyita sebanyak 1,233 unit pelbagai barangan jenama terkemuka disyaki tiruan daripada sebuah premis di pusat beli-belah terkemuka di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa negeri, Zubir Hamsa berkata, barangan rampasan berupa kasut dan baju sukan yang dirampas dalam serbuan pada pukul 2 petang itu bernilai RM116,986.

Menurutnya, serbuan itu adalah hasil risikan yang dibuat oleh pihak KPDNHEP Johor Bahru dengan kerjasama pemilik cap dagang jenama tersebut.

“Operasi itu dijalankan kerana premis tersebut disyaki menjual barangan tiruan daripada jenama terkemuka dan siasatan ke atas 1,233 barangan dirampas akan dijalankan bagi mengenal pasti punca bekalan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, barangan itu disita di bawah Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika didapati bersalah, penjual boleh didenda sebanyak RM10,000 bagi setiap perihal barangan yang dipamerkan atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi orang perseorangan.

Beliau berkata, pihak KPDNHEP negeri akan terus melakukan pemeriksaan dan pemantauan terhadap premis yang disyaki menawarkan atau membekalkan barangan tiruan dalam usaha melindungi hak harta intelek.

“Sehubungan itu, peniaga dinasihatkan supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan tidak terbabit dalam menjalankan aktiviti penjualan atau pengedaran barangan tiruan. - UTUSAN ONLINE